

Rosmah lawat Kolej Permata Insan USIM

SEREMBAN 17 Sept. - Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor hari ini meluangkan masa lebih dua jam melihat konsep pembelajaran di Kolej Permata Insan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai, dekat sini.


Beliau diberikan penerangan mengenai perkembangan kolej berkenaan oleh Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad selain pembentangan kejayaan pelajar kolej itu oleh Pengarahnya, Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh.

Rosmah turut mendengar taklimat teknologi pembelajaran abad ke-21 oleh pelajar, Abdul Razak Khan Rustum Ali Khan, 13, yang antara lain berkaitan pembangunan aplikasi pembelajaran masa hadapan.

Pada majlis itu, Rosmah yang juga Penaung Program Permata turut melancarkan Buletin Abqari, satu program berita dan bual bicara dikendalikan pelajar kolej ini.

Dalam ucapan berkaitan pembangunan pelajar dan kolej itu, Musa berkata, melalui kaedah pembelajaran abad ke-21 itu pelajar telah didedahkan dan dilatih menggunakan teknologi dalam pembelajaran seperti peranti iPad, Apple TV dan aplikasi pengajaran dan pembelajaran yang banyak tersedia dalam sistem pengoperasian.

"Dengan pembelajaran masa hadapan, kita yakin pelajar Permata Insan akan dapat menghasilkan pelbagai majalah ilmu seperti buku interaktif dalam bentuk Apple iBook dan isi pembelajaran iTunes U," katanya di sini hari ini.



ROSMAH MANSOR beramah mesra dengan pelajar-pelajar Kolej Permata Insan ketika mengadakan lawatan ke Kompleks Permata di Universiti Sains Islam Malaysia di Seremban, semalam.

Musa turut mengumumkan, USIM telah menerima surat daripada Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan yang telah meluluskan cadangan menjadikan Kolej Permata Insan USIM sebagai sebuah Institut Pen-

didikan Bantuan Kerajaan (IBK).

"Melaluinya, kolej ini juga layak menerima sumbangan modal dan bantuan penuh bagi mengadakan serta menambah infrastruktur pembelajaran dan pengajaran seperti bangunan, perabot dan lain-

lain berkuat kuasa 25 Ogos lalu," jelas Musa.

Ketika ini, kolej berkenaan mempunyai 48 pelajar, iaitu 29 lelaki dan 19 perempuan, dengan bangunan kolej dijangka siap sepenuhnya pada 12 Januari tahun hadapan.